

ABSTRAK

Kajian ini menilai kesan liberalisasi tarif dalam AFTA dan impaknya kepada perdagangan Malaysia-Asean. Dengan memfokus kepada pertumbuhan perdagangan Malaysia-Asean membolehkan hubungan liberalisasi tarif dan peningkatan perdagangan dua hala tersebut dinilai. Kaedah penganggaran berbentuk data panel dan model permintaan import panel digunakan. Data SITC 3 digit digunakan bagi mendapatkan gambaran sebenar kesan ke atas sektor-sektor yang dikaji. Penurunan tarif didapati memberikan kesan penciptaan perdagangan ketara bagi sektor keluaran tekstil. Manakala kesan herotan perdagangan adalah ketara bagi sektor kelapa sawit.